

# SIT tempatkan tiga varsiti terkemuka

*Bangunan baru  
dijangka siap jelang  
2014 tawar program  
ijazah sarjana muda*

Oleh **IRMA KAMARUDIN**  
*irmak@sph.com.sg*

INSTITUT Teknologi Singapura (SIT) akan menempatkan tiga universiti terkemuka yang menawarkan program-program di peringkat ijazah sarjana muda apabila bangunan barunya di kampus Politeknik Singapura (SP) siap menjelang 2014.

Tiga universiti tersebut – Universiti Teknikal Munich (TUM), Universiti Glasgow (UOG) dan Institut Teknologi DigiPen (DigiPen) – bersama SIT akan mengendalikan lapan program dalam jurusan kejuruteraan dan teknologi interaktif.

Ini didedahkan semasa majlis pecah tanah yang diadakan sebagai mengumumkan pembinaan bangunan baru SIT di SP atau SIT@SP di Dover Road, semalam.

Dalam ucapan beliau selaku tetamu terhormat, Pengerusi Lembaga Gabenor SP, Encik Bill Chang, berkata sekitar separuh daripada penduduk dalam lingkungan usia 20-an tahun memiliki ijazah sarjana muda dan terdapat lebih ramai lagi yang bercita-cita mahu mendapatkan ijazah, terutama para graduan politeknik.

“... SIT dibangunkan dengan objektif menyediakan sebuah laluan alternatif kepada para graduan politeknik yang bercita-cita mahu mendapatkan ijazah sarjana muda yang praktikal dan memberi tumpuan kepada industri daripada universiti-universiti berprestij seluruh dunia.

“Fakulti-fakulti daripada ketiga-tiga universiti itu akan menawarkan lebih banyak peluang Kajian dan Pengembangan Gunaan dan kerjasama dengan kakitangan SP,” tambah Encik Chang.

Bangunan baru SIT, yang direka firma DP Architects Pte Ltd, merupakan kampus SIT yang terbesar dengan keseluruhan tapak binaannya seluas 3,400 meter persegi.

Kemudahan-kemudahan seperti studio lakonan dan animasi bagi pembangunan permainan akan direka khas bagi mahasiswa yang mengikuti program-program yang ditawarkan DigiPen.

Selain itu, bangunan tersebut juga akan menampilkan rekaan-rekaan mesra alam seperti pembentukan ruang terpilih yang tidak berhawa dingin dan bilik-bilik darjah yang mempunyai ruang dalaman yang optimum yang membolehkan pancaran cahaya yang ideal dan mengurangkan penggunaan pencahayaan buatan.

Mahasiswa SIT dan para pelajar SP juga boleh saling mengenali dan bekerjasama dengan adanya sebuah hab pelajar baru bersebelahan SIT.